

87

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
**KAWASAN :** SELAYANG  
**TARIKH :** 27 MAC 2018  
**NO. SOALAN :** 40

**SOALAN**

**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah syarat-syarat yang ditetapkan untuk syarikat China melabur di Malaysia, apakah tahap pemindahan teknologi yang ditetapkan serta peratusan kuota untuk mengupah warganegara Malaysia dan menggunakan perkhidmatan tempatan.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia merupakan negara pertama di ASEAN yang menjalankan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China sejak tahun 1974. Sebagai sebuah kuasa ekonomi terbesar dunia yang mempunyai saiz pasaran yang sangat besar dengan jumlah penduduk seramai 1.4 bilion orang, China kekal menjadi fokus bagi pasaran eksport and sumber pelaburan asing kepada Malaysia.
2. Dasar Kerajaan adalah tidak memilih mahupun menumpukan sumber pelaburan asing daripada sesebuah negara sahaja. Sebaliknya, Kerajaan lebih terbuka untuk menilai sesuatu pelaburan asing dari mana-mana negara asalkan menepati dan bersesuaian dengan dasar semasa negara berhubung pelaburan.
3. Dalam hal ini, kini, Kerajaan lebih memberi penekanan kepada "pendekatan berfokus" dan "pendekatan ekosistem" dalam usaha menarik pelaburan berkualiti dengan memberi penekanan terhadap industri bernilai ditambah tinggi, industri berteknologi tinggi dan berintensifkan modal, industri berintensifkan pengetahuan serta aktiviti-aktiviti R&D yang selaras dengan objektif Kerajaan untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.
4. Sebagai ahli Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Malaysia telah memberikan komitmen di bawah Perjanjian Am Perdagangan Mengenai Perdagangan Perkhidmatan (GATS) untuk memenuhi obligasi tidak mendiskriminasi penyedia perkhidmatan asing. Ini adalah selaras dengan prinsip '*national treatment*' bagi semua syarikat samada

tempatan ataupun asing. Bagaimanapun, memandangkan syarikat asing yang melabur di Malaysia perlu diperbadankan di negara kita, maka mereka juga dianggap sebagai syarikat tempatan dan mendapat layanan yang sama.

5. Syarat-syarat umum yang ditetapkan untuk pelabur asing dari seluruh dunia termasuk pelabur dari negara China untuk melabur di Malaysia adalah seperti berikut:

- a) Syarikat hendaklah melatih rakyat Malaysia supaya pemindahan teknologi dan kepakaran dapat disalurkan di semua peringkat jawatan.
- b) Bermula tahun 2016, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah menetapkan beberapa kriteria tambahan bagi memastikan projek-projek yang diluluskan adalah berkualiti serta tidak berasaskan buruh dengan mengkaji semula nisbah pelaburan modal bagi setiap pekerja ataupun *capital investment per employee (CIPE)* daripada RM55,000 kepada RM140,000.
- c) Jumlah gunatenaga sepenuh masa syarikat hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya 80 peratus rakyat Malaysia. Penggajian rakyat asing termasuk pekerja yang diperolehi melalui penyumberan luar adalah tertakluk kepada dasar semasa.

6. Selaras dengan fokus tersebut dan dasar semasa berkaitan penarikan pelaburan langsung asing, Kerajaan akan menggalakkan pelaburan China dalam projek-projek yang berasaskan teknologi tinggi dan mempunyai nilai tambah yang tinggi termasuk *smart manufacturing*

dan automasi serta sektor perkhidmatan yang terpilih. Projek-projek ini khususnya digalakkan dalam sektor-sektor elektronik dan elektrikal, jentera dan logam, dan kimia.

7. Sebagai usaha Kerajaan untuk meningkatkan penggunaan perkhidmatan tempatan, khususnya dalam memastikan syarikat-syarikat tempatan termasuklah industri kecil dan sederhana dapat mengambil peluang perniagaan yang wujud hasil daripada kemasukan projek-projek pelaburan ke negara ini, Kerajaan melalui MIDA telah menganjurkan Program Rantaian Nilai (*supply-chain program*) dan Program Pemadanan Mesyuarat Perniagaan (*Business Matching*).

8. Antara program Rantaian Nilai yang telah dianjurkan oleh MIDA adalah *Supply Chain Conference for Northern Region*, *Supply Chain Conference for East Coast Region*, *Specialised Building Materials Supply Chain Conference 2017*, *Supply Chain Conference for East Malaysia* dan *National Supply Chain Conference 2017*. Program-program ini turut disusuli dengan sesi program Pemadanan Mesyuarat Perniagaan (*Business Matching*) yang membabitkan penglibatan syarikat-syarikat MNC dan syarikat-syarikat tempatan.

9. Hasil daripada program-program Rantaian Nilai (*supply-chain program*) dan program Pemadanan Perniagaan (*Business Matching*) yang telah dijalankan, syarikat-syarikat multinasional (*MNC companies*) telah melakukan aktiviti penyumberan luar (*outsourcing*) yang melibatkan syarikat tempatan termasuk syarikat kecil dan sederhana.

10. Untuk menangani penggunaan kandungan tempatan dan perkhidmatan profesional, MIDA dan Lembaga Pembangunan Industri

Pembinaan Malaysia (CIDB) juga telah melancarkan "*Industrialized Building Systems (IBS) and Building Materials Supply Chain 2017/2018 Directory*" pada 16 November 2017. Direktori ini mengandungi senarai pembekal dan pengilang bahan pembinaan tempatan. Malaysia menggalakkan pelabur asing merujuk terlebih dahulu kepada direktori tersebut untuk menggunakan sumber tempatan semasa melabur di Malaysia. Usaha ini penting bagi syarikat tempatan untuk turut terlibat dalam rantaian bekalan global.

Sekian, terima kasih.